

PERSEPSI DAN MASALAH MUALAF TERHADAP KESEJAHTERAAN DIRI DI SELANGOR: SATU KAJIAN

Azammuddin Zainuddin

azammuddin@hotmail.com

Salleh Amat

sallehamat@gmail.com

Noriah Mohd Ishak

norwmu@hotmail.com

ABSTRAK

Persepsi dan masalah yang dihadapi oleh mualaf di Selangor boleh menjejaskan tahap kesejahteraan diri mereka setelah memeluk Islam. Terdapat persepsi yang salah dalam kalangan mualaf setelah memeluk Islam dan Mualaf yang tidak boleh menyelesaikan masalah tetapi mereka perlu menyediakan diri mereka untuk menempuh dugaan dan cabaran setelah memeluk Islam. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat 10 tema dan 36 subtema berkaitan persepsi kesejahteraan diri mualaf. Tujuh tema dan 24 subtema masalah mualaf yang menggugat kesejahteraan diri mualaf. Faktor utama masalah mualaf ialah keperluan diri, perhubungan, keperluan rohani, tempat tinggal, sokongan, cabaran keluarga dan kewangan. Kegagalan mualaf menjaga kesihatan diri, psikologi, emosi, sosial, sikap dan tingkah laku ketika berhadapan dengan masalah dan cabaran menyebabkan kesejahteraan mereka terganggu. Kesejahteraan adalah aspek penting kehidupan setiap manusia. Pembangunan kesejahteraan ini bergantung kepada pembinaan konsep sendiri yang positif pada setiap manusia.

Bidang Penyelidikan: *Persepsi, mualaf dan kesejahteraan.*

1. PENDAHULUAN

Golongan mualaf lebih dikenali dengan gelaran saudara baru atau saudara Muslim dalam konteks Malaysia adalah sekumpulan individu yang menganut agama Islam setelah meninggalkan agama asal mereka (Rugayah, Fariza & Hilmi 2014). Mualaf juga ialah orang yang baru berjinak-jinak dengan Islam. Dari segi bahasa mualaf bererti lemah. Istilah ini selalu disandarkan kepada mereka yang baru saja memeluk Islam dan masih lemah pemahamannya tentang Islam. Istilah mualaf ini hanya diguna untuk mereka yang memeluk Islam sahaja walaupun terdapat pertukaran agama-agama lain selain Islam. Menurut Osman (2008) mualaf merujuk kepada orang yang baru memeluk Islam. Perkataan asal dari bahasa Arab iaitu *Alifa* yang bermaksud “melembutkan”. Menurut Abdullah (1973) mualaf ialah orang yang baru memeluk Islam dan istilah ini diguna di Malaysia manakala di bahagian Asia Tenggara dipanggil “Saudara Baru” dan “Saudara Kita”.

Mualaf ialah mereka yang mendapat hidayah yang telah melembutkan hati mereka menerima Islam sebagai agama sebenar. Oleh itu mualaf juga adalah golongan yang tersenarai dalam kalangan mereka yang berhak menerima zakat (Osman, 2008). Justeru perlu ada pihak yang membantu, menyelia dan membimbing golongan yang baru memeluk Islam ini agar mereka tidak murtad (kembali kepada agama asal). Contohnya menziarahi mereka supaya tidak terabai dan memantau perkembangan mereka.

Takrif muafaf mengikut negeri-negeri di Malaysia pula dapat dilihat hampir sama bagi setiap negeri iaitu mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya. Perbezaan yang ketara ialah tempoh masa yang ditetapkan untuk panggilan muafaf. Negeri yang mempunyai had masa ialah Selangor lima tahun, Pahang dan Terengganu tujuh tahun dan Sabah boleh jadi lima ke tujuh tahun. Hakikatnya muafaf merujuk kepada mereka yang memeluk Islam sama ada baru atau pun yang dah lama memeluk Islam. Walaupun mereka telah lama memeluk Islam, namun mereka memerlukan juga bimbingan dalam proses pemantapan nilai akidah dan sentiasa memerlukan sokongan untuk mereka terus kekal dalam Islam.

Kemasukan muafaf ke dalam agama Islam membawa penuh harapan untuk mencapai kesejahteraan hidup sama ada dari sudut fizikal, sosial mahu pun psikologi (Razaleigh, 2014). Namun mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan ketika memeluk Islam. Cabaran dan dugaan yang mereka hadapi akan menimbulkan perasaan keluh kesah dalam jiwa mereka apabila masalah yang mereka hadapi tidak dapat ditangani dengan baik. Al-quran juga telah menyebutkan sifat yang menjadi tabiat asli manusia, iaitu *haluu'* (suka mengeluh). Surah Al-Maarij ayat 70:19 bermaksud:

“...ia berkeluh kesah ketika mendapatkan musibah seperti kemiskinan, sakit, hilangnya yang dicintai baik harta, isteri mahupun anak dan tidak menyikapinya dengan sikap sabar dan reda kepada taqdir Allah”.¹

Antara penyebab kepada keresahan seseorang itu adalah melalui penghijrahan terutama penghijrahan agama yang menuntut mereka membuat perubahan demi perubahan. Kajian di barat seperti Raymond, Paloutzian, James, Richardson, Lewis (1999) menyatakan pertukaran agama boleh menyebabkan perubahan yang mendalam. Ia juga melibatkan perubahan matlamat, perasaan, sikap, dan tingkah laku, dan personaliti seperti identiti dan kehidupan. Kajian ini hanya menyatakan keadaan muafaf setelah bertukar agama, dan tidak menyatakan rawatan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan diri muafaf.

Kesejahteraan merujuk kepada kepuasan diri yang wujud setelah menerima setiap dugaan hidup dengan hati yang terbuka (Rohany & Fatimah 2006). Setiap insan semestinya mengharapkan kesejahteraan dalam hidup mereka, tidak terkecuali golongan muafaf yang baru memeluk Islam. Istilah kesejahteraan di barat yang berkaitan dengan kesejahteraan iaitu *wellness*, *wellbeing* dan *happiness*. Myers & Sweeney (2000) menyatakan *wellness* adalah sebagai cara hidup individu yang mengarah kepada kesihatan yang optimum dan kebahagiaan dalam komuniti setempat. *Wellbeing* menurut Trecia (2005) ialah satu konsep yang dinamik merangkumi semua aspek dalam diri dan kehidupan seseorang yang membawa kepada kesihatan diri dan kesejahteraan hidup. Manakala *happiness* pula ialah *a state of wellbeing and contentment* iaitu keadaan kesejahteraan dan kepuasan; *a pleasureable or satisfying experience* iaitu pengalaman nikmat atau memuaskan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kesejahteraan ialah kerelaan mereka menerima cara dan corak kehidupan dengan rela tanpa ada perasaan negatif, tekanan emosi, desakan hidup dalam menjalani kehidupan yang aman damai, selesa dan sihat tubuh badan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka persepsi kesejahteraan diri muafaf dalam kalangan muafaf di Selangor.

¹ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Al Quran Al Karim Rasm Uthmani, Terjemahan Bahasa Malayu Beserta Keterangan Ayat. (Ipoh Perak: Bukubuku, 2010).

2. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mualaf setelah memeluk Islam di Selangor.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah persepsi mualaf terhadap kesejahteraan diri mualaf?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh mualaf setelah memeluk Islam?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes (Chua, 2014). Kajian kes melibatkan beberapa individu mualaf yang dipanggil *Multiple Case Study* dalam Yin (2003). *Multiple Case Study* ialah kajian kes pelbagai yang membolehkan pengkaji melihat persepsi dan masalah mualaf. Seramai 9 orang mualaf di temu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan masalah yang dihadapi oleh mualaf. Proses temu bual menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji dengan mengambil kira kesahan dan kebolehpercayaan (Azammuddin, 2017). Menurut Ary, Jacobs & Razavieh (2002), Zamri & Noriah (2003) menyatakan Cohen Kappa digunakan untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan hasil daripada temu bual yang dijalankan.

4. DAPATAN KAJIAN:

Dapatan kajian merujuk kepada responden seramai 9 orang yang ditemu bual. Mereka terdiri daripada mualaf yang baru memeluk Islam dan yang telah lama memeluk Islam.

4.1 Latar Belakang Demografi Responden

Responden 1: Responden seorang lelaki mualaf dan telah memeluk Islam sejak tahun 1991. Beliau berbangsa India dan agama sebelum Islam ialah Hindu dan Kristian. Beliau berusia 46 tahun dan telah memeluk Islam selama 21 tahun. Beliau telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak. Beliau bertugas sebagai pegawai mualaf merangkap sebagai guru kepada mualaf yang baru memeluk Islam di Daerah Hulu Langat. Beliau bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan pembangunan diri mualaf di daerah, kelas pengajian, kebajikan dan sebagainya. Kes yang pernah dikendalikan oleh beliau ialah kes perebutan mayat mualaf dengan keluarga agama asal mualaf, menyelamatkan mualaf dari dimurtadkan oleh kaum keluarga mualaf, mualaf yang dikebumikan bukan di tanah perkuburan Islam dan kes-kes yang berkaitan dengan kaum India.

Responden 2: Responden seorang perempuan mualaf yang telah memeluk Islam sejak tahun 1996. Beliau di lahirkan di negeri Sarawak pada tahun 1975, berbangsa Melayu Bidayuh dan agama asal sebelum Islam ialah Kristian. Beliau juga menetap di Semenanjung mengikut suami setelah berumah tangga dan mempunyai empat orang anak. Beliau juga ialah seorang guru kepada mualaf yang baru di kelas-kelas pengajian mualaf. Beliau terlibat sebagai pembantu dalam program-program yang dilaksanakan oleh MAIS di peringkat negeri. Beliau juga bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan pembangunan diri mualaf di daerah, kelas pengajian, kebajikan dan sebagainya.

Responden 3: Responden seorang lelaki mualaf yang telah memeluk Islam sejak tahun 2012 dan menetap di Sungai Jelok Kajang Selangor. Beliau berbangsa Melayu Dusun di Sabah dan menetap di Semenanjung setelah ibunya meninggal dunia. Agama yang dianuti oleh beliau ialah agama Kristian sebelum memeluk Islam. Beliau telah berumah tangga tetapi belum mendapat zuriat. Beliau bekerja sebagai mekanik di sebuah kedai motorsikal di Kajang Selangor.

Responden 4: Responden seorang perempuan mualaf yang telah memeluk Islam sejak tahun 2011. Beliau berusia 38 tahun dan merupakan anak bungsu daripada empat orang adik beradik. Beliau juga dipanggil Cindian kerana ibunya berbangsa Cina dan ayahnya berbangsa India. Kedua ibu bapa beliau telah meninggal dunia. Kakak sulungnya telah memeluk Islam ketika beliau berumur 19-20 tahun. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan tiga orang cahaya mata, namun terpaksa berpisah dengan

suami dan anak-anak setelah memeluk Islam. Beliau menetap di Bukit Mahkota Bangi Lama dan bekerja di sebuah firma swasta di Petaling Jaya.

Responden 5: Responden seorang perempuan mualaf yang telah memeluk Islam sejak tahun 2012. Berasal dari negeri Sabah dan merupakan anak kelima daripada enam adik beradik. Beliau telah memeluk Islam ketika beliau masih belajar di peringkat Sarjana. Pengalaman sebaik sahaja memeluk Islam ialah berhadapan dengan ahli keluarga yang tidak setuju dengan pertukaran agama terutama ibunya sendiri. Beliau juga mengalami masalah kewangan kerana tiada bantuan dari keluarga untuk belajar.

Responden 6: Responden seorang perempuan mualaf yang telah memeluk Islam lebih daripada sepuluh tahun. Beliau telah memeluk Islam sejak tahun 1976 ketika berusia 14 tahun. Beliau beragama Kristian (Methodist) sebelum memeluk Islam. Beliau dilahirkan di Negeri Sembilan dan berbangsa Iban yang berasal dari negeri Sarawak. Ayah beliau ialah seorang anggota pertahanan awam Askar Diraja Malaysia. Beliau telah berkahwin dengan mualaf dan dikurniakan tujuh orang anak. Beliau menuntut di Universiti Malaya dalam bidang pensijilan Syariah dan Usuluddin. Beliau juga aktif sebagai guru agama di kelas-kelas pengajian agama di daerah Hulu Langat. Pengalaman setelah memeluk Islam ialah ketika beliau pernah dihalau keluar dari rumah oleh ibunya sendiri.

Responden 7: Responden seorang perempuan mualaf yang kurang lima tahun memeluk Islam. Beliau memeluk Islam pada tahun 2012 ketika berusia 22 tahun. Beliau berasal dari negeri Perak dan kini menetap di Selangor setelah memeluk Islam. Beliau ialah anak keempat daripada enam orang adik beradik. Beliau membesar dalam keluarga yang miskin dan susah. Kini beliau sedang menuntut di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dalam jurusan dakwah.

4.2 Persepsi Mualaf Terhadap Kesejahteraan Diri Mualaf

Dapatan temu bual mempunyai lima tema persepsi kesejahteraan bagi mualaf iaitu (i) pemikiran; (ii) kerohanian; (iii) emosi mualaf; (iv) kehidupan mualaf dan (v) perhubungan. Lima faktor yang diperolehi ini mempunyai 10 tema dan 36 subtema yang terbentuk berkaitan dengan kesejahteraan diri mualaf. 10 tema tersebut ialah celik akal, daya pemikiran, persepsi, keperluan agama, emosi mualaf, hidup berkeluarga, budaya baru, kerjaya mualaf komunikasi dan kumpulan sokongan.

Tema celik akal mempunyai tiga subtema iaitu i) berdikari; ii) kesungguhan dan; iii) kesedaran. Kesejahteraan diri mualaf menuntut mualaf supaya berfikir bagaimana meneruskan kehidupan yang baru sebagai seorang muslim. Sebahagian mualaf beranggapan bahawa setelah memeluk Islam semua bebanan dan masalah kehidupan akan selesai, namun ia merlukan kepada usaha dan kesungguhan untuk membina hidup baru dengan beragama Islam. Tema daya pemikiran terdapat dua subtema iaitu i) beban pemikiran dan; ii) kepercayaan. Kesejahteraan diri mualaf terbentuk melalui sistem pemikiran mualaf yang rasional dalam semua keadaan. Tema persepsi mempunyai tiga subtema iaitu i) salah faham, ii) berperasangka baik dan; iii) salah persepsi. Salah tanggap juga menjadi punca kepada sistem kesejahteraan diri mualaf terganggu. Perasaan dan tanggapan negatif timbul apabila keperluan mereka tidak dapat dipenuhi mengikut kemahuan mereka. Mereka mengharapkan semua bebanan yang ditanggung sebelum memeluk Islam dapat diselesaikan oleh Bahagian Pengurusan Mualaf Majlis Agama Islam Selangor. Bagi mendapatkan bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak zakat, mualaf perlu mendalami ilmu agama fardhu ain dengan menghadiri kelas-kelas pengajian.

Tema keperluan agama pula mempunyai lapan subtema iaitu i) belajar agama; ii) mengharap pertolongan Allah; iii) Amalan baik; iv) belajar nilai yang baik; v) tuntutan agama; vi) kepatuhan kepada hukum; vii) kaedah dakwah dan; viii) penjagaan makanan suci dan halal. Kesejahteraan diri mualaf berkait rapat dengan keimanan dan hubungan dengan Allah S.W.T. Sebagai seorang yang baru

memeluk Islam, mereka perlu mendalami ilmu fardhu ain sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan seorang muslim.

Tema emosi mualaf pula terdapat sembilan subtema iaitu i) halangan; ii) rasa tersisih; iii) sedar kekurangan diri; iv) tekanan perasaan; v) kehendak atau dorongan; vi) rasa dihargai; vii) mengatasi tekanan; viii) gangguan emosi dan; ix) menyalahkan diri sendiri. Kesejahteraan diri mualaf terganggu disebabkan oleh keadaan emosi yang tidak stabil setelah mereka memeluk Islam. Berbagai perasaan timbul dalam diri mualaf yang melibatkan keluarga dan orang lain seperti rasa dipinggirkan oleh kaum keluarga dan rakan-rakan.

Tema hidup berkeluarga pula mempunyai tiga subtema iaitu i) keyakinan yang tinggi; ii) kebahagiaan keluarga dan; iii) rasa tenteram. Kehidupan berkeluarga menuntut mualaf supaya boleh membina kehidupan yang aman, tenteram dan harmoni dalam suasana baru sebagai seorang muslim. Dalam membina kehidupan baru sebagai muslim, mualaf perlu belajar mengamalkan amalan-amalan yang dituntut dalam Islam. Ia juga berkait dengan amalan budaya baru dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Tema budaya baru mempunyai dua subtema iaitu i) penerimaan budaya baru; ii) ubah cara hidup. Tema kerjaya mualaf mempunyai satu sahaja subtema iaitu peluang kerjaya. Terdapat mualaf yang kehilangan pekerjaan sebaik sahaja mereka memeluk Islam. Keadaan ini menjejaskan sistem kehidupan seseorang mualaf untuk meneruskan kehidupan mereka sebagai seorang Islam.

Bagi tema komunikasi terdapat dua subtema iaitu i) perbincangan dan; ii) menjaga hubungan. Hubungan dan komunikasi amat penting bagi mualaf untuk meningkat kesejahteraan diri mereka. Tema kumpulan sokongan pula terdapat empat subtema iaitu i) sokongan ahli keluarga; ii) sokongan rakan; iii) sokongan orang lain dan; iv) penerimaan orang lain. Kebanyakan mualaf yang memeluk Islam akan merasai kehilangan orang yang paling hampir dengan mereka. Oleh itu kesejahteraan diri mualaf amat memerlukan sistem sokongan untuk mereka terus kekal dalam Islam.

4.3 Masalah Mualaf Setelah Memeluk Islam

Hasil daripada temu bual dengan para mualaf, data yang ditemui terdapat beberapa tema dan subtema. Hasil temu bual dijalankan, terdapat tujuh tema dan 24 subtema bagi masalah mualaf. Faktor keperluan diri mempunyai empat subtema iaitu i) kemahiran urus diri; ii) masalah panggilan nama; iii) pemakanan dan; iv) pemakaian. Faktor perhubungan pula terdapat dua subtema terhasil iaitu i) perkauman dan; ii) sukar berinteraksi. Tema keperluan rohani membentuk dua subfaktor iaitu i) kesempurnaan agama dan; ii) tiada komitmen. Faktor bagi tempat tinggal mempunyai tiga subfaktor iaitu i) tinggal dengan keluarga asal; ii) hilang tempat tinggal dan; iii) tiada keupayaan kerja. Bagi faktor sokongan, terdapat empat subfaktor iaitu i) tiada sokongan; ii) tidak diterima masyarakat; iii) sokongan moral dan; iv) sistem sokongan. Bagi faktor cabaran keluarga pula mempunyai tujuh subfaktor iaitu i) ambil berat tentang keluarga; ii) masalah keluarga; iii) dibuang keluarga; iv) penderaan dalam keluarga; v) ancaman; vi) berpisah dengan anak dan; vii) hak penjagaan. Faktor yang akhir ialah kewangan mempunyai dua subtema iaitu i) masalah kewangan dan; ii) hilang pekerjaan.

4.3.1 Keperluan diri.

i) Kemahiran urus diri

Mualaf menghadapi masalah dalam menyusun jadual harian mereka apabila diarahkan untuk hadir ke kelas pengajian. Mualaf perlu kepada pengurusan hidup yang lebih sempurna dengan adanya jadual pengurusan diri. Bagi memastikan wujudnya kesejahteraan hidup mualaf, mereka menyatakan perlu menyusun jadual perjalanan hidup agar lebih teratur. Mualaf mempunyai banyak komitmen hidup terutama berkaitan kelas pembelajaran ilmu fardhu ain, pekerjaan dan keluarga. Kenyataan ini dinyatakan oleh responden RPM2.

...pengurusan diri contohnya ya. Jadual la yang penting. Kalau tidak kelang kabut hidup dengan pekerjaanya lepas tu ada kelas...

(RM2: MM.KD.JPDiri.L272:C9)

ii) Masalah panggilan nama

Individu mualaf rasa tidak dihargai setelah memeluk Islam apabila ada yang mempersendakan nama asal mereka yang tidak digemari oleh mereka sendiri. Mereka perlu kepada penghargaan dari orang Islam sendiri kerana mereka telah meninggalkan agama lama dan adat budaya mereka.

...mereka tak suka dengan nama lama. saya cuba nak bergurau dalam kelas panggil nama-nama lama mereka kan, Kok Win dia orang tukar dah Mohd Alif, tukar mereka gayanya tidak memberi respon dan ada yang menunjukkan reaksi masam muka tidak suka sebenarnya...

(RM1: MM.MPN.POISndr.L433:C46)

iii) Pemakanan

Peserta RM4 menyatakan bahawa beliau terpaksa mencari perkakasan atau alat-alat masakan sendiri bagi mengelakkan percampuran atau kesan daripada memasak masakan yang haram. Manakala binatang-binatang juga dibeli sendiri untuk memastikan bahawa binatang yang dibeli itu halal. Kenyataan ini ditegaskan dalam petikan berikut;

Jadi dia orang tau la kan... yang setiap kali saya balik saya kena sembelih atau suami saya kalau balik satu family. Peralatan sendiri, lepas tu barang-barang binatang hidup tu beli sendiri, buat sendiri

(RM7: MM.Pm.ISI.L24:C64)

iv) Pemakaian

Responden 4 dipertikaikan oleh rakan mereka dari agama lain kerana perubahan agama tersebut.

...of course kena perli la ustaz. You baru masuk Islam. Ooo you kena pakai like this aaa... ? Why you need to cover like this. No need you know...

(RM4: MM.Pk.PKAIslam.L217:C74)

4.3.2 Perhubungan

i) Perkauman

Kejadian ini melibatkan perselisihan dan pergaduhan dalam keluarga yang melibatkan bangsa mereka sendiri. Bagi pihak pengurusan mualaf agak sukar untuk campur tangan tanpa ada bantuan dari pihak berkuasa.

...kita tidak boleh nak buat laporan polis terhadap keluarga dan juga yang berkaitan dengan keluarga. Coz... kita takut timbulnya isu perkauman. So... kita memang satu isu yang paling besar ini kita kena memang kena bijaksana dalam perkara ini...

(RM1: MM.Phb.Pkm.NMDjga.L125:C46)

- ii) Sukar berinteraksi.

Pada permulaan mualaf memeluk Islam, mereka menghadapi masalah interaksi dengan rakan-rakan dan orang di sekeliling. Ada juga antara mereka memandang serong terhadap mualaf untuk tidak berinteraksi dengan mereka. Kenyataan ini di sebut oleh responden RM2.

...dia orang boleh terima sekaranglah. Kalau dulu tu memang susahlah dia orang nak terima sebab permulaan itu memang susah sikit...

(RM2: MM.Phb.Pkm.TDKlrg.L66:C4)

4.3.3 Keperluan rohani

- i) Kesempurnaan agama

Berdasarkan kenyataan responden 4, memeluk agama Islam merupakan jalan kesempurnaan dalam hidup. Berdasarkan kenyataan mualaf, kesempurnaan agama itu dilihat daripada aspek kerohanian, pendidikan pengurusan diri dan keluarga.

bila kita masuk Islam tu... everything is there is a way, we are tough. So Is totally. Dia sempurna dalam segala aspek

(RM4: MM.KR.KA.SHKAsas.L23:64)

- ii) Tiada komitmen.

Mualaf tidak menghargai kelebihan dan kemudahan yang disediakan oleh MAIS dengan mendalami ilmu Islam. Muafaf juga tiada kesedaran diri yang tinggi untuk meningkatkan komitmen diri dalam menambah ilmu pengetahuan Islam. Responden 1 bertindak sebagai pengurus muafaf berhadapan dengan kehadiran muafaf yang tidak memuaskan ke kelas pengajian fardhu ain yang ditetapkan

...tidak menunjukkan komitmen yang tinggi untuk belajar Islam...

(RM1: MM.KR.TK.MTHK.TKBjlr.L31:C61)

4.3.4 Tempat tinggal

- i) Tinggal dengan keluarga asal

Terdapat juga muafaf yang terpaksa tinggal bersama dengan keluarga asal kerana tiada tempat tinggal setelah memeluk Islam. Mereka tiada pilihan melainkan terpaksa menjalani kehidupan seharian seperti biasa bersama ahli keluarga. Mereka agak sukar untuk menjaga pemakanan, pakaian dan apa sahaja yang berlaku dalam keluarga tersebut

...most time what happens is bila seseorang masuk Islam tu... they go back to the family, stay in the family house, the family don't how, so... no choice they have to follow what they are doing...

(RM4: MM.TT.TKA.TTBKAsl.L206:C51)

ii) Hilang tempat tinggal

Mereka terpaksa meninggalkan tempat tinggal dengan berbagai cara. Antaranya keluar sehelai sepinggang. Mualaf juga dihalau keluar oleh keluarga dari rumah dan kampung halaman mereka. Keadaan ini dialami sendiri oleh responden RPM4.

...ada yang sampai suruh keluar rumah sehelai sepinggan la...

(RM4: MM.TT.HTT.KSSpngg.L47:C79)

iii) Tiada keupayaan kerja.

Bagi mualaf yang berusia dan tiada tempat tinggal yang tetap, mereka ditempatkan di rumah kebajikan yang telah disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Mereka tiada pekerjaan kerana faktor usia dan kesihatan yang tidak mengizinkan. Keadaan ini dijelaskan oleh responden 1 iaitu pegawai pengurusan mualaf tentang masalah yang mereka hadapi berkaitan dengan mualaf yang lanjut usia baru memeluk Islam

...Mualaf yang warga emas ni dia tak da rumah tau. takda rumah satu... ada rumah dia sama geng dia yang seusia mereka cumanya sihat alhamdulillah, tapi tak boleh kerja. mana-mana pergi tak boleh...

(RM1: MM.TT.TKK.TRKbjkn.L212:C40)

4.3.5 Sokongan

i) Tiada sokongan

Individu mualaf rasa tidak dihargai setelah haknya sebagai mualaf dinafikan. Responden 2 tidak mendapat bantuan pelajaran walaupun beliau berhak menerima bantuan pelajaran

...saya cuba mohon zakat, tapi hak saya sebagai Mualaf dinafikan. Dia kata tak da zakat untuk Mualaf. Tak da... Sampai sekarang la. Masa saya mohon tu saya cuba mohon saya nak sambung belajar juga cuba mohon untuk belajar la...

(RM2: MM.Skg.TS.RTDhrg.L106:C27)

ii) Tidak diterima masyarakat

Mualaf perlukan kasih sayang dari semua pihak terutama bagi mualaf yang baru keluar penjara untuk meneruskan kehidupan seperti orang lain. Mualaf sebegini sukar diterima oleh masyarakat dan ditambah pula dengan faktor mualaf itu sendiri yang tidak boleh mengurus diri sendiri

...baru keluar penjara, masyarakat pula tak terima, kemudian yang tak reti nak urus diri, berserabut...

(RM1: MM.Skg.TTM.MBKPNjr.L380:C11)

iii) Sokongan moral

Mualaf perlukan kasih sayang dan sokongan moral dari semua pihak untuk kekal dalam Islam. Sistem sokongan terdiri daripada ahli keluarga, rakan dan masyarakat, memainkan peranan penting dalam memupuk budaya kasih sayang. Berbagai program yang dirancang dan dijalankan untuk mendekati golongan mualaf supaya mereka kekal dalam Islam. Kenyataan ini dijelaskan oleh responden 1.

...matlamat utama agar seseorang tu bila dia dah masuk Islam dia dapat orang kata kekal sebagai seorang muslim yang selain daripada itu sebenarnya aspek dari sudut sokongan moral...

(RM1: MM.Skg.SM.SMrl.L75:C39)

4.3.6 Cabaran keluarga

i) Ambil berat tentang keluarga

Keperluan kasih sayang melalui interaksi mereka dengan ahli keluarga, rakan dan masyarakat tidak dapat dipenuhi. Masalah yang timbul ialah keluarga mualaf merasa tidak gembira di atas pertukaran agama, namun mualaf sendiri cuba untuk mengekalkan perhubungan kasih sayang dengan bertanya khabar melalui sistem pesanan ringkas (sms). Oleh itu mualaf perlu untuk mewujudkan kasih sayang dalam keluarga bukan Islam, rakan-rakan dan masyarakat, walaupun mereka itu pesimis ke arah memurtadkan semula mualaf.

...walau pun they were not happy... tapi saya selalu update lah... atau pun bagi tau, bertanya khabar melalui sms, sebab dia orang tak nak jawab telefon, so saya bertanya khabar melalui sms...

(RM4: MM.CK.ABK.KKDMI.BTKhbr.L43:C76)

ii) Masalah keluarga;

Responden 4 menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah interaksi dengan keluarga dan suami isteri. Interaksi yang baik membawa kepada kesejahteraan mualaf, namun apa yang berlaku ialah tidak mendapat kasih sayang keluarga setelah mualaf memeluk Islam pada peringkat awal. Timbul salah faham suami isteri hingga membawa kepada pergaduhan dalam rumah tangga. Selain itu masalah interaksi juga berlaku kepada mualaf yang berkahwin dengan pasangannya adalah orang Islam asal

...there cannot accept.... Keluarga masih tidak dapat aaa...There could not adapt to the situation that I converted ...

(RM4: MM.CK.MK.KIK.KTTm.L35:C89)

iii) Dibuang keluarga;

Masalah mualaf lagi ialah hilang kasih sayang keluarga setelah memeluk Islam. Mereka dibuang keluarga dan putus hubungan dengan ibu sendiri. Mereka merasa tersisih dari keluarga dan rasa keseorangan tanpa ada hubungan dengan kaum keluarga. Penjelasan ini dinyatakan oleh responden responden RM7.

...first saya memeluk Islam, pada masa tu dihalau oleh keluarga, dicaci dihina oleh keluarga, kakak abang semua adik semua adik beradik semua tak nak cakap dengan Jannah, mak ayah pun macam tak layan, panggil dia orang pun tak nak layan. sampai dia orang nak halau saya...

(RM7: MM.CK.DK.HKH.DHKRmh.L54:C2)

iv) Penderaan dalam keluarga;

Penderaan fizikal terhadap mualaf berlaku juga dalam keluarga mereka sendiri terutama dalam hubungan suami isteri. Mualaf tidak boleh mengawal dan mengurus kehidupan sehingga berlaku pukul memukul antara mereka apabila tekanan dan masalah tidak dapat ditangani dengan baik. Keadaan lebih teruk lagi apabila orang lain turut sama membuat penderaan fizikal terhadap mualaf sendiri. Responden 1 terlibat dalam menguruskan mualaf yang mempunyai masalah penderaan fizikal.

...kemudian pukul memukul tu macam keluarga muslim biasa. macam keluarga Islam biasa. ada juga... ada.. benda tu pun ada juga berlaku dalam kalangan Mualaf ni...

(RM1: MM.CK.PDK.PFDK.SIstri.L108:C73)

v) Ancaman

Ancaman juga berlaku dalam kalangan mualaf antaranya ialah ancaman bunuh, memaksa makan makanan yang haram, tarik lesen memandu dan rampas kad pengenalan. Kenyataan ini berlaku kepada responden 4 setelah beliau memeluk Islam.

...ada yang sampai nak membunuh la...

(RM4: MM.CK.Acm.KJKD.NBnh.L47:C46)

vi) Berpisah dengan anak

Cabaran yang berlaku kepada responden 4, terpaksa berpisah dengan anak dan suami kerana mereka tidak mahu turut serta memeluk agama Islam.

...bekas suami tak benarkan saya bawa anak-anak dengan saya. So anak-anak masih dengan suami...

(RM4: MM.CK.PA.KILAI.BBAnk.L57:81)

vii) Hak penjagaan

Responden 4 dapat meredakan perasaannya dengan keyakinan yang ada dalam dirinya dan tidak merasa bimbang dengan ketiadaan anak di sisinya. Beliau yakin suatu hari nanti, anaknya akan boleh membezakan mana yang terbaik setelah usianya 18 tahun nanti

...you don't have to worry, when the kids are big enough old enough they can decide for themselves, which is the best...

(RM4: MM.CK.HP.TBmbng.L97:C91)

4.3.7 Kewangan

i) Masalah kewangan

Individu muafaf perlu menjaga diri terutama apabila berhadapan dengan masalah kewangan. Kesejahteraan hidup juga terganggu akibat daripada masalah kewangan yang melanda muafaf. Muafaf yang masih belajar keputusan bekalan untuk membiayai yuran pengajian, kos buku, penginapan dan sebagainya. Keadaan bertambah kronik lagi apabila berlaku pergaduhan yang disebabkan oleh kekurangan kewangan. Kenyataan ini merujuk kepada responden 2.

...semua tak ada duit la. Kewangan tu memang kritikal la...

(RM2: MM.Kew.MK.TKew.L104:C25)

ii) Hilang pekerjaan.

Terdapat muafaf yang diberhentikan kerja setelah mereka memeluk Islam. Hal ini terjadi kepada responden 2 yang majikannya tidak beragama Islam. Kenyataan ini disahkan lagi dengan kenyataan responden 2 yang mengendalikan banyak kes berkaitan dengan pemberhentian kerja akibat dari pertukaran agama.

...saya mula-mula masuk Islam saya diberhentikan kerja di bank. Sebab saya kerja bank di hong leong dulu, sebab bos saya Cina, bila dia tau saya Islam...

(RM2: MM.Kew.HP.PTS.DBSMIslam.L100:C62)

5. PERBINCANGAN

Pertukaran agama memerlukan perubahan yang besar dalam kehidupan seseorang. Antaranya ialah menjaga dan mengukuhkan akidah Islam sebagai seorang muslim. Menurut Razaleigh (2014), perubahan yang berlaku dalam kalangan muafaf melibatkan fizikal, sosial dan psikologi. Muafaf menghadapi tentangan daripada keluarga mereka dalam bentuk penderaan fizikal seperti dipukul, dihalau daripada rumah oleh keluarga asal mereka. Mereka beranggapan bahawa dengan kemasukan mereka ke agama Islam boleh diterima oleh kaum keluarga asal mereka, namun sebaliknya mereka mendapat tentangan dan bantahan daripada keluarga mereka walaupun mengikut perlembagaan persekutuan, semua rakyat Malaysia bebas memilih dan mengamalkan agama masing-masing. Perkara 11 dalam Perlembagaan Malaysia (2009) memperuntukkan bahawa mereka bebas memilih agama mana yang mereka ingin anuti.

Muafaf juga beranggapan dengan kemasukannya ke dalam agama Islam, mereka disambut baik oleh semua lapisan masyarakat yang beragama Islam, namun sebaliknya ada juga antara orang Islam sendiri yang mempersendakan niat mereka memeluk Islam. Tanggapan orang Islam sendiri bahawa kemasukan mereka ke dalam agama Islam mempunyai niat yang lain seperti ingin berkahwin dengan pasangan orang Islam, ingin mendapatkan bantuan kewangan dan untuk mengurangkan bebanan hutang yang mereka tanggung sebelum mereka memeluk Islam. Muafaf juga mengharapkan sokongan daripada masyarakat Islam sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup sebagai seorang muslim. Menurut Jon, Richard & Michael (2008), berdasarkan teori Adler minat sosial merupakan minat yang wujud sejak lahir dan ia perlu dipupuk dan dibimbing. Di samping itu juga minat sosial ini didasarkan kepada keperluan seseorang individu untuk bermesra dengan orang lain di samping memupuk semangat kekitaan.

Persepsi daripada pihak muafaf sendiri dan persepsi daripada pihak luar juga mengundang perasaan yang tidak selesa dalam kalangan muafaf. Berbagai persepsi yang dilemparkan kepada golongan muafaf antaranya ialah dianggap membuang keluarga; membuang ibubapa; masuk Islam adalah masuk Melayu; masalah panggilan nama asal mereka; masuk Islam kerana perlukan bantuan

kewangan (persepsi orang Islam) dan; masuk Islam kerana hanya ingin berkahwin. Berbagai tanggapan akan timbul sekiranya keperluan mereka untuk menyelesaikan masalah mereka gagal untuk dipenuhi.

Menurut Maslow (1954), untuk memenuhi keperluan diri seseorang individu itu terdapat lima peringkat iaitu keperluan fisiologi, keselamatan diri, kasih sayang, penghargaan diri dan kesempurnaan diri. Mereka perlu menyediakan makan dan minum yang halal mengikut syariat Islam. Dalam masa yang sama juga, mualaf perlukan tempat tinggal yang sempurna. Mualaf yang terpaksa tinggal bersama dengan keluarga asal menghadapi masalah penjagaan makan minum yang halal kerana ia bercampur dengan makanan yang tidak halal. Mualaf yang baru memeluk Islam menghadapi masalah hubungan dengan keluarga asal mereka dibuang keluarga atau dihalau dari rumah mereka. Mualaf perlukan kasih sayang daripada keluarga asal mereka terutama daripada ibu dan bapa, namun kasih sayang ini akan hilang apabila pengislaman mereka mendapat tentangan. Mualaf juga ingin dihormati dan disanjung seperti orang lain juga, namun terdapat juga mualaf yang disihkan daripada keluarga, rakan dan masyarakat. Mereka perlukan penghargaan diri untuk memberikan semangat mereka meneruskan kehidupan terutama di awal pengislaman mereka. Cabaran yang paling besar bagi mualaf ialah apabila mereka terpaksa mengubah matlamat, perasaan, sikap, dan tingkah laku, dan personaliti seperti identiti dan kehidupan. Sesuai dengan kajian Raymond et. al (1999) menyatakan pertukaran agama boleh menyebabkan perubahan yang mendalam.

6. KESIMPULAN

Semua masalah yang dihadapi oleh mualaf dalam semua peringkat keperluan Maslow menggambarkan individu mualaf itu tidak sejahtera. Namun begitu, ia juga bergantung kepada bagaimana individu itu menerima dengan reda akan ketentuan Ilahi. Maka mualaf perlu menyediakan diri mereka dengan jati diri yang kuat untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang muslim. Kesejahteraan diri mualaf meliputi semua aspek kehidupan iaitu faktor dalam diri mualaf seperti emosi, pemikiran, rohani; faktor luaran seperti keperluan hidup seperti tempat tinggal, makan dan minum, kewangan, pekerjaan, pendidikan. Walaupun banyak aspek yang membawa kepada kesejahteraan, namun ia bergantung kepada mualaf itu sendiri menerima dan menghayati apa yang mereka lalui dan lakukan. Firman Allah S.W.T. dalam surah Az Zumar ayat 39:70 bermaksud: “dan kepada setiap jiwa diberi balasan dengan sempurna sesuai dengan apa yang telah dikerjakannya dan Dia lebih mengetahui apa yang mereka kerjakan”. Apa yang penting di sini ialah kesabaran dalam menghadapi dugaan Allah S.W.T. dalam semua keadaan dan cabaran hidup. Ia selaras dengan kajian Shohana (2010) berkaitan kitab Hidayah al-Salikin yang menekankan prinsip kesejahteraan dan kedamaian berteraskan Islam. Islam menetapkan panduan kehidupan manusia melalui ilmu, akidah, ibadah, anggota tujuh, rohani, akhlak serta pembangunan sosial.

Mualaf juga merupakan golongan yang lemah dari sudut akidah pengetahuan dalam Islam dan mereka memerlukan sokongan, bantuan-bantuan daripada badan-badan pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan, pusat-pusat jagaan, pihak jabatan pengendalian mualaf, individu-individu dan masyarakat. Justeru mereka perlukan satu intervensi untuk menghadapi masalah dalaman dan luaran yang timbul untuk meningkatkan kesejahteraan diri mereka.

RUJUKAN

Abdullah Yusuf Ali. 1973. *The New Meaning of Al-Quran*. Maryland: Amana Corporation.

E-JOURNAL OF THE GLOBAL SUMMIT ON EDUCATION 2017 (GSE 2017).

(E-ISSN 2289-6880). 4th December 2017, Melia, Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by

<https://worldconferences.net>

- Al Quran Al Karim Rasm Uthmani, Terjemahan Bahasa Malayu Beserta Keterangan Ayat. Ipoh Perak: Bukubuku, 2010.
- Ary D., Jacobs L. C. & Razavieh A. 2002. *Introducto To Research in Education*. Wadsworth, Tomson Learning, Belmont, CA.
- Azammuddin. 2017. *Kesan Bimbingan Kelompok Menggunakan Modul Kesejahteraan Diri Mualaf (Mkdm) Terhadap Kesejahteraan Diri Di Selangor*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan*. Edisi ketiga. McGrew-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Jon, C., Richard, E. W. & Michael, M. 2008. *Adlerian Therapy: Theory and Practice*. American Psychological Association. Washington.
- Maslow, A.H. 1954. *A. Motivation and Personality*. New York: Harper & Row, 1954, hal. 57-67.
- Myers, J.E., Sweeney, T.J. & Witmer, J.M. 2000. *The Wheel of Wellness: A holistic model for treatment planning*. *Journal of Counseling & Development*.
- Osman Chuah Abdullah. 2008. *Muslim Coverts In Malaysia: Problem of Cultural Adjustment*. IIUM Press. International Islamic University Malaysia.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. *Keperluan Bimbingan Kepada Golongan Muallaf Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raymond F. Paloutzian, James T. Richardson, Lewis R. Rambo. 1999. *Religious Conversion and Personality Change*. *Journal of Personality*. [Volume 67, Issue 6](#), pages 1047–1079, December 1999.
- Rohany Nasir & Fatimah Omar. 2006. *Kesejahteraan Manusia Daripada Perspektif Psikologi*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shohana Hussin. 2010. *Kesejahteraan Dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan:Kajian Teks Hidayah Al-Salikin*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Rugayah Hj Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (pnyt.). 2014. *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Bangi, Institut Islam Hadari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tricia A. S. 2005. *The Ryff Scales of Psychological Well-being*. University of Iowa.
- Zamri dan Noriah. 2003. *Analisis Cohen Kappa Dalam Penyelidikan Bahasa: Satu Pengalaman*. Kertas Seminar Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- <http://www.kptg.gov.my/sites/default/files/article/perlembagaanpersekutuan>. 19/12/2017.